

23 MAY 1996

PRESIDEN KAZAKHSTAN LAWAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Presiden Kazakhstan Nursultan Nazarbayev akan mengadakan lawatan negara ke Malaysia selama empat hari mulai 25 Mei ini.

Presiden Nazarbayev akan diiringi isteri, beberapa menteri, pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar akan meraikan Presiden Nazarbayev dalam satu jamuan negara.

Beliau dijadualkan mengada perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendengar taklimat Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri dan melawat kilang Proton di Shah Alam.

Beliau juga akan berucap pada satu seminar pelaburan anjuran bersama Dewan Perdagangan dan Perindustrian Malaysia Kebangsaan dan Persatuan Selatan-Selatan Malaysia. -- BERNAMA

HAK NAK